

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 JUNE 2016

Permulaan lembaran baharu PROTON

BH - 15/6/2016

➔ Model baharu Perdana generasi keempat bukti syarikat kereta nasional penggerak serius industri automotif

Oleh **Irwan Shafrizan Ismail**
dan **Mohd Zaky Zainuddin**
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Pelancaran PROTON Perdana generasi keempat semalam, harus menjadi detik perubahan dan permulaan lembaran baharu dalam sejarah PROTON, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, pelancaran PROTON Perdana baharu juga membuktikan syarikat pengeluar kereta nasional itu terus menjadi penggerak serius dalam industri automotif.

Katanya, PROTON juga harus terus membangunkan bakat, vendor dan usahawan dalam industri automotif tempatan yang memberi manfaat kepada ekonomi dan rakyat.

"PROTON juga perlu komited menawarkan kenderaan yang memenuhi kehendak pelanggan. Saya difahamkan, 900 unit model ini menerima tempahan awal daripada pelanggan, sekali gus membuktikan keyakinan terhadap model baharu ini.

"Biar model dan pengurusan baharu PROTON ini diadili berdasarkan merit mereka. Kita ingin

mereka mencapai kejayaan dan meningkatkan jualan, memimpin inovasi serta memastikan syarikat ini mempunyai masa depan yang cerah, baik dari segi produk dan kesejahteraan pekerja mereka.

Yakin PROTON terus berinovasi
"Saya pasti PROTON akan terus berinovasi dan melakukan penambahbaikan, untuk mengeluarkan kereta terbaik buat rakyat Malaysia dan pasaran luar negara," katanya berucap pada majlis pelancaran PROTON Perdana generasi baharu di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Pengerusi PROTON, Datuk Seri Syed Faisal Albar dan Ketua Pegawai Eksekutif PROTON, Datuk Ahmad Fuaad Kenali.

Najib juga yakin era kegemilangan PROTON akan kembali selepas berakhirnya era campur tangan politik Tun Dr Mahathir Mohamad dalam syarikat itu.

Katanya, sebelum ini terlalu banyak campur tangan politik dalam strategi, pengurusan, kakitangan dan model perniagaan PROTON sehingga menyebabkan syarikat berdepan keadaan sukar.

"Kerajaan melangkah masuk semula (bantu PROTON) untuk me-



PROTON juga perlu komited menawarkan kenderaan yang memenuhi kehendak pelanggan. Saya difahamkan, 900 unit model ini menerima tempahan awal daripada pelanggan, sekali gus membuktikan keyakinan terhadap model baharu ini"

Najib Razak,
Perdana Menteri

lindungi pekerja, keluarga di Malaysia yang bergantung kepada PROTON, untuk melindungi pendapatan dan mata pencarian rakan kongsi perniagaan syarikat ini.

Perubahan ketara

"Sekarang, saya gembira untuk katakan kini ada perubahan yang ketara pada peringkat tertinggi pengurusan PROTON. Era campur tangan politik Tun Dr Mahathir (Mohamad) sudah berakhir.

"Kita mahu PROTON kembali berjaya dan syarikat ini akan dibantu Pasukan Petugas Khas yang ditubuhkan baru-baru ini," katanya.

Najib yang juga Menteri Kewangan menegaskan PROTON tidak berada pada kedudukan sepatutnya, tanpa keupayaan penyelidikan dan pembangunan yang betul dan skala pengeluaran diperlukan untuk kekal berdaya saing.

"April lalu, kerajaan meluluskan pinjaman RM1.5 bilion, ini bukan 'bailout', kerana pinjaman ini diberikan dengan syarat ketat. Tetapi keperluan mendesak untuk suntikan tunai menunjukkan ada kelemahan struktur yang serius dalam PROTON," kata Najib.